



Pembinaan Tamadun Malaysia


Ratna Roshida Ab Razak

Profesor Madya
di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Wajah Malaysia berubah lagi selepas Perikatan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan. Meskipun era pasca-Malaysia Baharu mungkin akan menjurus kepada budaya politik baharu, hal ini tidak bermakna semua institusi negara perlu diubah demi memperlihatkan kelainan. Perkara yang penting ialah reformasi politik yang sedang dilakukan mampu merungkai segala permasalahan berkaitan dengan bidang ekonomi, sosial dan pendidikan. Fajar baharu yang menyinari bumi Malaysia hari ini diharapkan terus memberikan keharmonian dan kesejahteraan kepada masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Keupayaan setiap warganegara untuk sama-sama menjadi pemain utama dalam pembangunan dan pembinaan tamadun Malaysia seharusnya perlu terus diberikan penekanan. Hal ini penting agar pada akhirnya seluruh rakyat boleh sama-sama menikmati hasil daripada usaha yang sama-sama telah diberikan, tanpa ada golongan yang hanya tahu meraikan kejayaan tanpa ingin berpenat lelah. Sikap individu atau masyarakat, juga bangsa yang tidak mahu bersusah payah pastinya mampu membawa mereka tertinggal jauh ke belakang dalam proses pembinaan tamadun, atau disebut juga peradaban negara. Hal ini ditegaskan oleh tokoh ilmuwan Islam kelahiran Algeria yang cukup terkenal dan paling menonjol sebagai pemikir kontemporari pada kurun ke-20, iaitu Malik Bennabi, yang dilahirkan di Constantine, sebuah kota di Algeria Timur pada tahun 1906.

Bennabi merupakan tokoh Islam yang tiada tolok bandingnya. Beliau berasal daripada keluarga yang sederhana, namun memiliki jiwa yang besar dan mempunyai latar belakang pendidikan yang sangat menarik. Sejak kecil lagi beliau telah menunjukkan



minat yang sangat mendalam terhadap bidang ilmu. Beliau sangat gemar menghadiri majlis agama dan berdamping dengan tokoh-tokoh hebat pada zaman tersebut. Berlatarbelakangkan bidang sains, beliau memiliki keistimewaan untuk mendalami satu-satu bidang, seperti sejarah, sains sosial dan juga falsafah secara kritikal dan menyeluruh.

Bennabi begitu serius memikirkan jalan penyelesaian terhadap kemunduran umat Islam. Beliau menegaskan bahawa punca keadaan tersebut adalah kerana masyarakat Islam yang tidak mengetahui kekuatan diri yang dimiliki untuk menjadi masyarakat yang mampu mengembalikan kegemilangan Islam melalui ilmu dan idea yang baharu. Masyarakat Islam hanya dilihat seperti terus ghairah membongkar khazanah Islam, tanpa ada sebarang usaha untuk mengembalikan kegemilangan tersebut.

Teori perubahan sosial yang dikemukakan oleh Malik Bennabi yang memberikan penekanan terhadap tiga elemen asas dalam kehidupan manusia, iaitu insan atau manusia, tanah dan masa dikira sangat relevan dalam konteks pembinaan tamadun Malaysia hari ini. Ketiga-


tiga elemen ini mempunyai signifikan yang besar dalam pembentukan dan kejatuhan sesebuah tamadun. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi Bennabi, tamadun secara keseluruhannya merupakan pencapaian yang bersifat holistik dalam konteks penglibatan antara manusia atau insan, yang merupakan pembina dan pemain utama, berasaskan tanah sebagai ruang atau tempat berlakunya pencapaian tersebut, dalam tempoh masa atau kehidupan yang ada padanya.

Berdasarkan teori yang dikemukakannya, beliau menjelaskan bahawa banyak sosial yang gagal dalam misi mereka lantaran ketidakupayaan mereka untuk memberikan penekanan terhadap kepentingan aspek moral, yang bertitik tolak dari aspek spiritual dan mempunyai kedudukan asasnya dalam agama atau sistem kepercayaan yang dimiliki. Usaha untuk memaknakan peranan manusia yang menjadi penghuni di tanah air atau negara Malaysia khususnya, dalam tempoh atau ruang waktu yang diberikan ini, pastinya memerlukan panduan atau falsafah hidup atau *worldview* (pandangan semesta).

Panduan ini seharusnya diperoleh daripada ajaran agama, dan tidak lengkap sekiranya hanya melalui keupayaan berfikir semata-mata. Daripada agama inilah manusia melahirkan idea mereka untuk berperanan sebagai pembina tamadun. Dengan kata lain, agama ini berperanan untuk membentuk budaya hidup seseorang. Dalam konteks masyarakat pelbagai etnik di Malaysia, masing-masing mempunyai budaya hidup yang tersendiri. Kebebasan mempraktikkan budaya hidup ini jelas menunjukkan Malaysia sebagai sebuah negara yang sangat meraikan kepelbagaian.

Walau bagaimanapun, jika kita telusur dalam setiap budaya, akan jelas kelihatan perbezaannya. Sebagai contoh yang paling mudah, cara dan jenis pemakanan antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Oleh itu, menjadi keperluan bagi setiap bangsa agar merenung dan melihat apakah amalan hidup yang terdapat dalam budaya hidup lain. Sekiranya hal itu lebih baik daripada apa-apa yang dimiliki, budaya hidup tersebut boleh diguna pakai agar mampu menjadi pemangkin ke arah pembinaan tamadun.

Sehubungan dengan itu, apa-apa jua transformasi budaya yang boleh mendorong masyarakat untuk membina tamadun, sudah pasti memerlukan perubahan dalam cara hidup manusia. Hal tersebut bermula dengan diri sendiri, yang meliputi aspek spiritual,



intelektual dan fizikal, serta melalui hubungan sosial yang merentas tiga domain utama, iaitu diri sendiri, orang lain dan persekitaran. Menurut Bennabi, transformasi budaya harus memperluas ruang lingkupnya dan tidak membatasi luaran manusia semata-mata atau penzahiran yang kelihatan indah dan menarik sahaja. Hal ini harus meliputi aspek spiritual manusia agar transformasi yang dilakukan benar-benar memberikan makna dan nilai kepada manusia.

Bennabi membincangkan persoalan tamadun dalam perspektif Islam secara meluas dengan meletakkan kehidupan yang bermatlamatkan Allah sebagai hala tuju yang sebenar. Hampir setiap buku beliau memperkatakan tentang kedudukan manusia dalam pembinaan tamadun. Hal ini jelas menunjukkan bahawa beliau terlalu menekankan aspek ini dalam usaha mengembalikan kedudukan Islam sebagai pencorak tamadun bangsa. Jika ditinjau pandangan Jamaluddin al-Afghani, beliau lebih menekankan aspek politik, manakala Muhammad Abduh pula banyak memberikan tumpuan terhadap aspek pendidikan. Walau bagaimanapun, Bennabi berpendapat bahawa penyelesaian secara *juz'i* tidak berjaya mengatasi masalah yang sebenar. Beliau menekankan bahawa penyelesaian secara menyeluruh yang melibatkan semua aspek kehidupan manusia bermula dengan penyelesaian masalah yang melibatkan komponen spiritual (rohani) ialah jalan penyelesaian yang terbaik.

Bennabi berpendapat bahawa sesuatu bangsa itu gagal membangun bukan kerana tidak memiliki sumber alam, seperti tanah dan logam, tetapi kerana manusianya tidak lagi



Penggunaan tiga unsur utama, iaitu manusia, tanah dan masa mampu untuk membuahkan sebuah pembinaan tamadun yang diinginkan. Pemerkasaan manusia, iaitu dengan mengembalikan fungsi yang sebenar dapat memastikan tamadun yang dibina bersifat lestari. Setiap individu Muslim perlu bangkit untuk menghasilkan gerakan ke arah pembinaan tamadun dengan memberikan tumpuan dan penyuburan awal terhadap pembangunan manusia, khususnya dalam komponen spiritual, yang diikuti dengan intelektual dan fizikal.



mempunyai banyak idea yang kreatif dan inovatif. Fenomena sebegini banyak berlaku dalam kalangan negara Islam hari ini sama ada di Afrika, Timur Tengah, dan juga di Alam Melayu. Walaupun kebangkitan Islam hingga masa ini merupakan perjalanan yang sangat panjang, namun masih jauh untuk sampai kepada matlamatnya, iaitu menerusi kepemimpinan tamadun kemanusiaan. Kemajuan sesebuah negara amat bergantung pada mutu penduduknya. Mutu penduduknya terbentuk hasil daripada proses pendidikan yang diterima. Masyarakat Islam telah terpisah daripada budaya, warisan spiritual dan aspek teknikal yang hanya tinggal sebagai catatan sejarah sahaja.

Permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam di Malaysia bermula apabila kehidupan masyarakat yang mula maju, khususnya selepas Malaysia memperoleh kemerdekaan. Hal ini dirancarkan oleh gabungan dua buah etnik yang agak berpengaruh dari segi kesungguhan melakukan kerja sehingga berjaya menguasai ekonomi negara, iaitu etnik Cina dan India. Bangsa Melayu masih lagi dilihat sebagai bangsa yang cukup sekadar apa-apa yang ada kerana mungkin pandangan hidup yang dipegang meletakkan dunia ini hanya sementara dan tidak perlu untuk terlalu bersusah payah kerana akhirnya dunia ini akan ditinggalkan juga. Sikap yang sebatu dalam diri sesetengah bangsa Melayu inilah antara faktor yang menjadikan perbezaan yang agak ketara antara mereka yang memiliki dengan yang tidak memiliki.

Pada masa yang sama, terdapat dalam kalangan orang Islam, khususnya yang berbangsa Melayu, mula terpengaruh dengan unsur dari Barat yang meletakkan penggunaan akal lebih tinggi berbanding dengan Tuhan. Dengan kata lain, pemikiran yang bersifat logik dan rasional lebih diutamakan berbanding dengan apa-apa yang telah disarankan oleh al-Quran dan hadis. Pada peringkat ini, mula kelihatan umat Islam tidak lagi menjadikan agama sebagai landasan dan pegangan hidup mereka. Islam juga gagal untuk diterjemahkan sebagai cara hidup yang mampu membawa kejayaan untuk umat Islam dalam setiap aspek kehidupan.

Akhirnya, umat Islam mula jauh daripada nilai murni kehidupan yang membuahkan adab, pekerti, nilai dan moral, serta norma kehidupan yang mulia. Agama hanya dilihat dari sudut pandang ibadat semata-mata. Kesannya, umat Islam mula malas untuk berfikir

kerana keadaan selesa yang dinikmatinya menjadikan mereka sukar untuk keluar dari zon tersebut. Tambahan pula, dengan kemudahan teknologi yang dinikmati, masyarakat akhirnya hanyut dalam dunia mereka tersendiri. Bennabi meletakkan insan sebagai perkara yang paling utama dalam pembinaan tamadun.

Hal ini dikatakan demikian kerana inilah elemen yang paling asas dalam pembinaan tamadun. Soalan yang sering timbul ialah, apakah masyarakat Islam hari ini secara serius memikirkan usaha untuk mewujudkan tamadun mereka sendiri? Keadaan ini hanya akan menjadi kenyataan sekiranya usaha ini diasaskan kepada nilai spiritual yang didapati daripada ajaran agama. Nilai spiritual yang diperoleh daripada ajaran agama ini merupakan asas yang akan mengarah idea, kerja dan modal yang akan mewujudkan keseimbangan dan kelestarian dalam aspek pembangunan atau tamadun yang dibina.

Huraian tersebut dengan jelas menunjukkan kerelevanan Bennabi dalam proses pembinaan tamadun Malaysia. Penggunaan tiga unsur utama, iaitu manusia, tanah dan masa mampu untuk membuahkan sebuah pembinaan tamadun yang diinginkan. Pemerkasaan manusia, iaitu dengan mengembalikan fungsi yang sebenar dapat memastikan tamadun yang dibina bersifat lestari. Setiap individu Muslim perlu bangkit untuk menghasilkan gerakan ke arah pembinaan tamadun dengan memberikan tumpuan dan penyuburan awal terhadap pembangunan manusia, khususnya dalam komponen spiritual, yang diikuti dengan intelektual dan fizikal.

Tamadun Islam yang bermula pada kurun ke-2 dan mencapai kemuncaknya pada kurun ke-8 hingga kurun ke-14 dengan jelas menunjukkan bahawa pemerkasaan spiritual melalui pengajian ilmu tasawuf telah menjadikan umat Islam ketika itu begitu produktif menggunakan unsur alam yang bersifat material dengan sebaik-baiknya. Bagi mereka, dengan akal yang diberikan, sesuatu perlu dilakukan bagi memudahkan kelangsungan hidup di dunia ini dengan mengambil nilai spiritual sebagai dasar perjuangan. Masyarakat Malaysia, khususnya umat Islam, perlu kembali menilai dan menterjemahkan ajaran Islam dalam proses membina tamadun Malaysia dan mengembalikan kegemilangan tamadun Melayu di bumi Malaysia, yang dahulunya disebut Tanah Melayu. 